

21 AUG 1996

PERLIS MARINE ENGINEERING SEDIA JAYAKAN PROJEK JET SKI

KANGAR, 21 Ogos (Bernama) -- Perlis Marine Engineering Sdn Bhd (Perlis Marine), sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), menyatakan minat untuk menyertai dalam projek pengeluaran jet bot dan jet ski nasional.

Pengerusi syarikat, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata Perlis Marine mempunyai kemampuan untuk membabitkan diri dalam industri berkenaan kerana syarikat telah lama mempunyai rancangan untuk mengeluarkan jet ski pada masa akan datang.

"Perlis Marine yang kini mengeluarkan badan bot daripada bahan aluminium telah lama merancang untuk mengeluarkan bot jenis komposit untuk pasaran tempatan dan eksport," katanya kepada pemberita di sini semasa diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu semalam.

Shahidan yang juga Menteri Besar Perlis berkata beliau akan menghantar surat kepada Dr Mahathir meminta beliau memberi peluang kepada Perlis Marine untuk mengeluarkan jet ski buatan Malaysia.

Beliau yakin projek jet ski mempunyai pasaran yang baik sekiranya dilaksanakan.

Katanya, Perlis Marine sehingga ini telah menjual dua buah bot peronda sepanjang 22 meter dengan kelajuan sehingga 40 knot kepada Jabatan Laut.

Perlis Engineering yang dimiliki 60 peratus oleh PKENPs dan selebihnya oleh Zentromax (M) Sdn Bhd, kini menyediakan perkhidmatan penyenggaraan bot termasuk feri di limbungannya di Kuala Perlis untuk keperluan kapal-kapal jabatan kerajaan dan syarikat swasta.

Shahidan juga berkata Perlis Marine berkemungkinan diberi kontrak untuk membina 40 buah bot peronda kecil untuk Polis Diraja Malaysia. bagaimanapun, beliau tidak menyebut kos kontrak tersebut.

-- BERNAMA

IQ SIA